

ANPROMIDE TABLET

Loperamide Hydrochloride (2mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Anpromide Tablet
2. Bagaimana Anpromide Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Anpromide Tablet
4. Cara menggunakan Anpromide Tablet
5. Semasa menggunakan Anpromide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Anpromide Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Anpromide Tablet

Loperamide digunakan untuk mengawal dan melegakan simptom cirit-birit akut dan kronik serta mengurangkan jumlah pengeluaran daripada ileostomi (usus kecil disalurkan melalui lubang di dinding perut yang dibuat semasa pembedahan).

Bagaimana Anpromide Tablet berfungsi

Loperamide hydrochloride adalah kandungan aktif Anpromide Tablet. Loperamide tergolong di dalam kumpulan ubat *Antidiarrheal*. Ia berfungsi untuk melegakan gejala cirit-birit dengan menjadikan tinja lebih padat.

Sebelum menggunakan Anpromide Tablet

- *Bila tidak boleh menggunakan*
 - Jika anda alergi (hipersensitif) terhadap loperamide dan bahan-bahan kandungan lain dalam Anpromide Tablet.
 - Jika anda mempunyai *toxic megacolon* (kolon mengembang akibat daripada komplikasi penyakit keradangan atau jangkitan pada usus besar).

- Jika anda mempunyai masalah disentri atau jika ingin mengelakkan masalah sembelit, kerana ia mungkin menyebabkan penakungan air dalam usus dan ini mungkin menerukkan dan menutup simptom-simptom dehidrasi dan kekurangan elektrolit, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.
- Jika anda mempunyai kolitis teruk (masalah radang yang teruk pada lapisan usus besar).
- Untuk kanak-kanak di bawah 6 tahun.

- *Sebelum menggunakan Anpromide Tablet*

Anda mesti beritahu doktor anda jika:

- Anda alergi terhadap mana-mana ubat-ubatan yang diambil sebelum ini untuk merawat keadaan sekarang.
- Anda hamil, sedang cuba untuk hamil atau menyusu. Ubat ini harus digunakan semasa hamil dan menyusu apabila jelas diperlukan.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Sila beritahu doktor anda atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau telah mengambil mana-mana ubat berikut baru-baru ini:

Analgesik opioid, juga dikenali sebagai analgesik narkotik (penahan sakit) - penggunaan serentak mungkin meningkatkan risiko sembelit.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herba, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Anpromide Tablet

Sentiasa mengambil ubat ini seperti yang diberitahu oleh doktor. Anda sepatutnya merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Ambil ubat ini melalui mulut sahaja.

- *Berapa banyak harus digunakan*

Cirit-birit akut: 4mg pada permulaan, diikuti dengan 2mg selepas setiap kali cirit-birit sehingga 5 hari, dos biasa 6-8mg sehari.

Cirit-birit kronik:

Pada permulaan: 4mg diikuti dengan 2mg selepas setiap kali cirit-birit sehingga cirit-birit terkawal

Dos kawalan: 4-8mg sehari sekali atau dibahagikan beberapa kali mengikut keperluan.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Tablet ini boleh diambil dengan makanan ataupun tanpa makanan.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Cirit-birit akut: sehingga 5 hari.

- *Jika terlupa menggunakan*
 - Sekiranya anda terlupa satu dos, ambil dos itu dengan segera sebaik sahaja teringat.
 - Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
 - Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Simptom-simptom terlebih dos termasuk sembelit, iritasi gastrousus dan penekanan sistem saraf pusat.

Jika anda berasa anda telah mengambil terlebih dos Anpromide Tablet, sila beritahu doktor anda dan doktor anda akan membuat keputusan apa langkah-langkah yang perlu diambil.

Semasa menggunakan Anpromide Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan
Hubungi doktor jika gejala anda bertambah buruk atau tiada perubahan.

Hubungi doktor sekiranya anda hamil semasa mengambil Anpromide Tablet.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri Anpromide Tablet kepada orang lain walaupun simptom atau keadaan mereka serupa seperti anda. Doktor anda mempreskrib Anpromide Tablet untuk anda dan keadaan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Gunakan secara berhati-hati untuk orang yang mempunyai masalah hati.
- Gunakan secara berhati-hati untuk kanak-kanak muda kerana perubahan tindak balas yang lebih berbeza.
- Orang yang menghidapi penyakit keradangan usus besar atau orang yang mengalami keradangan usus yang disebabkan oleh antibiotik perlu diawasi untuk kejadian *toxic megacolon*.
- Cecair dan elektrolit yang sesuai perlu diambil untuk semua kes cirit-birit untuk mengelakkan dehidrasi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Anpromide Tablet mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya. Kesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan penggunaan ubat ini.

Sakit perut dan gangguan gastrousus lain termasuk *toxic megacolon*, mulut kering, pening dan letih. Ruam pada kulit (reaksi hipersensitiviti) juga pernah dilaporkan.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers→Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Anpromide Tablet

- Penyimpanan
Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkusan. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Tablet Anpromine perlu disimpan dalam bekas plastik tertutup rapat di tempat yang kering.

Simpan pada suhu kurang daripada 30°C.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan
Ubat-ubatan tidak seharusnya dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah.

Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk
Tablet berwarna merah jambu, rata, diameter 7mm dengan garis skor serta tanda 'MPI'.

Ia dibekalkan dalam pek blister 100 x 10's

- Bahan-bahan Kandungan
 - Bahan aktif
Setiap biji tablet mengandungi bahan aktif, 2mg *loperamide hydrochloride*.
 - Bahan tidak aktif
Bahan-bahan kandungan lain termasuk *lactose, corn starch, microcrystalline cellulose pH101, potato starch, magnesium stearate* dan *colchicine Red A*.

- Nombor MAL
MAL19985186AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries Sdn Bhd.
Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP
06/11/2015

Nombor siri:
BPFK(R4/1)051115/00405